

Lawatan PM ke Myanmar buka peluang pelaburan

PUTRAJAYA 16 Ogos **Lawatan**
an kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Myanmar selama dua hari bermula Ahad ini dijangka membuka peluang pelaburan lebih cerah di antara kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, ia berdasarkan beberapa perbincangan mengenai kerjasama dua hala serta dua perjanjian persefahaman (MoU) yang akan ditandatangani sempena lawatan tersebut.

Katanya, Malaysia menerusi Petronas akan menandatangani MoU dengan Kementerian Tenaga Myanmar berhubung kerjasama cari gali minyak.

"Satu lagi MoU adalah di an-

tara tepat Teknik Sdn. Bhd. dengan Kementerian Pertanian dan Perairan Myanmar melibatkan kajian tentang pembinaan loji jana kuasa di Nga Moe Yeik dan Empangan Tabuhla," kata beliau pada sidang akhbar mengenai lawatan Perdana Menteri ke Myanmar, di Wisma Putra, di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, kerjasama tersebut penting berdasarkan kedudukan Malaysia sebagai negara pelabur keempat terbesar di Myanmar selepas Singapura, United Kingdom dan Thailand.

"Jumlah keseluruhan pelaburan Malaysia ialah RM2.23 bilion yang meliputi pelbagai industri termasuk perhotelan, pelancongan dan perlombongan.

"Nilai eksport Malaysia ke Myanmar RM748.6 juta manakala import berjumlah RM297.1 juta," kata beliau.

Menurut Syed Hamid, rombongan Perdana Menteri bersama isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali itu turut disertai oleh beliau, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie serta 300 pegawai kerajaan serta ahli perniagaan.

"Kemungkinan, jika tidak ada rintangan, tiga lagi MoU akan ditandatangani melibatkan eksport keluli, telekomunikasi dan pembangunan bandar," tambah beliau.

Syed Hamid menjelaskan, Dr.

Mahathir juga akan menyampaikan ucapan dalam Persidangan Teknologi Malaysia-Myanmar anjuran Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia, Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Institut Sultan Iskandar sempena lawatan tersebut.

Selain itu, kata Syed Hamid, Dr. Mahathir dijadual mengadakan perbincangan mengenai isu hubungan dua hala khususnya mengenai perdagangan dan pelaburan dengan Pengerusi SPDC, Jeneral Kanan Than Shwe.

"Ini juga adalah sebagai membalas lawatan Than Shwe ke Malaysia pada September 2001," kata beliau.